

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN:

Y.B. MENTERI

Y.B. TIMBALAN MENTERI

Y.BHG. KSU

Y.BHG. TKSU (PDN)

Y.BHG. TKSU (PUP)

SETIAUSAHA AKHBAR

3 APRIL 2022 (AHAD)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

3 APRIL 2022 (AHAD)



HARI	:	AHAD
TARIKH	:	3/4/2022
M/SURAT	:	16

Barang keperluan harian dijamin cukup

Kuala Berang: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi jaminan bekalan barangan keperluan harian mencukupi sepanjang tempoh Ramadan dan perayaan Aidilfitri nanti, walaupun permintaan dijangka meningkat.

Timbalan Menterinya, Datuk Rosol Wahid, berkata KPDNHEP sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi memastikan bekalan terbabit dapat menampung keperluan di negara ini.

"Sebagai contoh untuk bekalan ayam dan telur, KPDNHEP sudah mendapatkan maklumat daripada MAFI mengenai jumlah ayam yang diternak serta boleh dipasarkan pada Ramadan dan Aidilfitri kali ini.

"Justeru, pengguna tidak perlu khuatir. Malah, bekalan barangan keperluan lain seperti minyak masak, tepung gandum dan



Rosol (dua dari kanan) pada Program Jualan Keluarga Malaysia di Kampung Telaga, Kuala Berang, semalam. (Foto BERNAMA)

sebagainya juga mencukupi," ka-

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) di pekarangan Masjid Kampung Telaga, di sini, semalam.

Dalam pada itu, Rosol menegaskan, beberapa langkah akan diambil bagi mengelakkan peniaga mengambil kesempatan menaikkan harga barangan sempena Ramadan dan Aidilfitri nanti.

Selain pemeriksaan berkala dan pemantauan, beliau berkata, pihaknya juga bakal melakukan pemeriksaan mengejut ke premis perniagaan di seluruh negara.

"Tiada kompromi terhadap peniaga yang sengaja mencatut harga barangan, dan tindakan tegas akan diambil.

"Perniagaan memang memerlukan keuntungan, namun biarlah berpada-pada. Ia bukan dengan modal RM1 tetapi dijual pada harga RM5. Keuntungan seperti itu dipanggil mencatut kerana mengambil keuntungan yang tidak munasabah," katanya.

Seterusnya, Rosol berkata, pengguna diharap tidak membandingkan harga barangan keperluan pada Ramadan dan Aidilfitri tahun lalu dengan tahun ini, berikutan peningkatan harga berlaku disebabkan banyak faktor.



HARI : AHAD

TARIKH : ______ 3/4/2022

M/SURAT : _____13

Mesin 'retort' atasi pembaziran makanan

KPDNHEP sasar sediakan satu mesin 'retort' di setiap negeri bagi mengelakkan pembaziran makanan terutama pada bulan Ramadan

KUALA BERANG

cmenterian Perdagangan Dalam
Negeri dan Hal
Ehwal Pengguna
(KPDNHEP) menyasarkan
untuk menyediakan sekurangkurangnya satu mesin 'retort'
di setiap negeri bagi mengelakkan pembaziran makanan terutama pada bulan
Ramadan.

Timbalan Menterinya, Datuk Rosol Wahid berkata, buat masa ini, mesin bernilai RM38,000 sebuah itu terdapat di Terengganu, Perlis, Kuala Lumpur dan Johor yang ditempatkan di hotel-hotel besar yang mempunyai banyak lebihan makanan.

Beliau berkata, kementerian akan menyediakan sembilan lagi mesin berkenaan dalam masa terdekat untuk menampung kegunaan di setiap negeri

Katanya, sembilan mesin itu dikenali sebagai thermal decontimination yang lebih canggih kerana ia mampu membungkus lebih banyak jenis makanan berbanding empat mesin yang sedia ada kini.

"Lebihan makanan yang belum disentuh boleh dibungkus menggunakan mesin ini dan ia mampu bertahan sehingga dua tahun. Makanan tersebut kita boleh sumbangkan kepada yang memerlukan seperti di kawasan bencana.

"Jadi, daripada dibuang begitu sahaja, pihak industri seperti hotel boleh membawa lebihan makanan mereka ke lokasi mesin tersebut diletakkan," katanya kepada pemberita selepas Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) di perkarangan Masjid Kampung Telaga di sini pada Sabtu.

Menurutnya, buat masa ini mesin 'retort' bagi Terengganu ditempatkan di Hotel Primula di Kuala Terengganu dan mana-mana premis makanan serta hotel boleh menghantar makanan lebihan mereka di situ untuk dibungkus tanpa melibatkan sebarang kos.

Dalam perkembangan lain, Rosol berkata, meskipun pengusaha hotel dan premis makanan boleh menentukan sendiri harga pakej bufet Ramadan yang mereka tawarkan, kementerian masih boleh mengambil tindakan sekiranya terdapat penipuan seperti memberikan pakej makanan berbeza daripada apa yang diiklankan, di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011.

"Saya juga ingin nasihatkan kepada pengguna supaya berbelanja ikut kemampuan. Pilih pakej bufet yang menawarkan harga munasabah," katanya.

PJKM yang diadakan di perkarangan Masjid Kampung Telaga pada Sabtu menarik perhatian penduduk setempat kerana menawarkan harga murah seperti daging lembu tempatan hanya RM25 sekilogram dan ayam standard RM5 sekilogram.

Potongan harga bagi kedua dua bahan mentah tersebut adalah sumbangan subsidi daripada Rosol yang merupakan Ahli Parlimen Hulu Terengganu. - Bernama



Rosol (kanan) memotong daging untuk dijual kepada pembeli semasa meninjau Program Jualan Keluanga Malaysia Peringkat Parlimen Hulu Terengganu di Kampung Telaga, Hulu Terengganu pada Sabtu.



HARI :	AHAD
TARIKH :	3/4/2022
M/SURAT :	11

ADA JAMINAN

naikkan harga barang

Oleh Nazdy Harun am@hmetro.com.my

Kuala Berang

erajaan memberi jaminan bekalan barangan keperluan harian mencukupi sepanjang Ramadan dan perayaan Aidilfitri ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, pihaknya sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) dalam menentukan hasil keluaran keperluan makanan dalam negara mencukupi.

Menurutnya, stok bekalan Ramadan dan Aidil-

KPDNHEP, Mafi bekerjasama pastikan barang keperluan sepanjang Ramadan, Aidilfitri cukup

fitri sememangnya mencukupi walaupun dijangka akan berlaku lebihan permintaan.

"Sebagai contoh ayam dan telur, kita sudah mendapat maklumat daripada Mafi berapa banyak ayam yang diternak dan boleh dipasarkan pada Ramadan serta Aidilfitri ini.

"Oleh itu, pengguna tidak perlu khuatir dengan bekalan keperluan

harian termasuk keperluan seperti minyak masak. tepung

mencukupi," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) di pekarangan Masjid Kampung Telaga di sini, semalam.

Menurutnya, beberapa langkah diambil bagi mengelak peniaga mengambil kesempatan dengan menaikkan harga barangan pada Ra-

madan dan menjelang Beberapa langkah diambil elak peniaga ambil kesempatan Aidilfitri. Katanya, se-lain pe-

merik-

gandum dan sebagainya saan berkala dan pemantauan, pihaknya akan melakukan pemeriksaan mengejut ke premis perniagaan di seluruh negara.

"Tiada kompromi terhadap peniaga yang se-ngaja mencatut harga barangan dan tindakan tegas akan diambil.

"Perniagaan sememangnya memerlukan keuntungan, namun biarlah berpada-pada, bukannya dengan modal RM1 dan dijual dengan RM5.

"Keuntungan seperti itu dipanggil mencatut kerana mengambil keuntungan tidak munasabah," katanya.



HARI	:	AHAD
TARIKH	:	3/4/2022

TARIKH : 3/4/2022

M/SURAT : ______18

BUFET RAMADAN

Usah kelirukan umat Islam

Melaka: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengingatkan pengusaha restoran dan hotel yang menganjurkan bufet Ramadan agar tidak mengelirukan umat Islam dengan sijil halal meragukan

Pengarah KPDNHEP Melaka, Norena Jaafar berkata, mereka juga tidak dibenarkan membuat promosi yang mendakwa bufet halal, sedangkan tidak memiliki sijil pengesahan halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

"Jika tiada sijil halal, jangan pula promosi atau iklankan bufet Ramadan halal. Itu menipu orang dan saya beri amaran kita akan kompaun," katanya ketika dihubungi semalam.

Mulai esok, katanya, seramai 96 penguat kuasa KPDNHEP akan di PPONHER gerak-

kan me-

mantau

96 penguat kuasa KPDNHEP akan digerakkan memantau semua bazar Ramadan

semua bazar Ramadan, pasar pagi dan hotel serta premis yang menganjurkan bufet Ramadan bagi memastikan patuh peraturan.

Menurutnya, selepas dua tahun tiada bazar Ramadan dan terikat dengan prosedur operasi stahdard (SOP), beliau bimbang ada peniaga yang mengambil kesempatan dengan menaikkan harga makanan hingga membebankan pengguna.

Katanya, dibimbangi juga ada terdapat penganjur bufet Ramadan yang memanipulasi harga menu, justeru perlu dipantau.

Media sebelum ini melaporkan lebih 2,200 penguat kuasa dan kira-kira 1,000 pegawai pemantau harga KPDNHEP ditugaskan memantau bazar Ramadan di seluruh

negara, susulan jangkaan berlakunya kenaikan harga ma-

kanan.



HARI	:	AHAD
TARIKH	:	3/4/2022
M/SURAT	:	8

'No halal certification, no Ramadan buffet promotion'

MELAKA: Hotel operators and premises are reminded not to promote Ramadan buffets if they do not have halal certification.

Melaka Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry director Norena Jaafar said hotels and premises with no Malaysian Halal Certification must not confuse the public, especially Muslim consumers, with Ramadan buffet advertisements.

"If there is no halal certificate, do not promote or advertise halal Ramadan buffets. Do not deceive the consumers, or you will be fined."

She said apart from the increase in food prices at Ramadan bazaars, and buffets at hotels and premises, the ministry was also focusing on the technical aspects of Ramadan buffet advertisements. "Starting tomorrow (today), 96 enforcement officers will be mobilised to Ramadan bazaars, morning markets, as well as hotels and premises that offer Ramadan buffets.

"We believe that after two years of not being able to operate at Ramadan bazaars, some of the traders or hotel operators will take the opportunity to increase food prices to the point of burdening consumers.

"For example, we want to see if the price of drinks, which previously at RM3, will be increased to RM5."

As for Ramadan buffets at hotels and premises, Norena said the ministry would identify if there was an element of excessive price manipulation.

"We will monitor the prices for buffets, which can go up to RM200 a customer, as what happened in Kuala Lumpur before. "To operators of hotels and restaurant premises, be reasonable if you want to increase the price of the Ramadan buffet.

"Do not burden the consumers, especially now when the economy is still recovering."

Norena said another concern during the fasting month was the increase in food prices, especially during weekends, with hotel operators targeting foreign tourists.

hotel operators targeting foreign tourists.

"Most hotels in Melaka have been fully booked from yesterday (on Friday) to Monday, following the reopening of the country's borders."

It has been reported that more than 2,200 enforcement officers and 1,000 of the ministry's price-monitoring officers were assigned to monitor Ramadan bazaars nationwide following the expected increase in food prices.



HARI	:	AHAD
TARIKH	:	3/4/2022
M/SURAT	:	8

Johor Bahru: Satu sindiket penyelewengan diesel di-tumpaskan hasil serbuan Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Dua ke atas sebuah premis di Jalan Kempas La-ma, Off Jalan Skudai di sini, kelmarin membabitkan rampasan RM1.02 juta.

Serbuan dalam operasi ki-ra-kira jam 4.20 pagi itu ber-jaya merampas 94,398 liter diesel dan tiga lori tangki serta kelengkapan dan wang tunai milik sindiket.

Komander PPM Wilayah Dua, Asisten Komisioner Muhd Zailani Abdullah berkata, serbuan dijalankan pa-sukan dari Unit Risik Marin itu turut menahan tujuh le-laki tempatan berusia 28 hingga 51 tahun yang diper-cayai terbabit dalam aktiviti penyelewengan itu untuk siasatan lanjut.

"Pihak kami berjaya mengesan sebuah premis yang dijadikan stor tempat penyimpanan minyak diesel bersubsidi.

Sindiket seleweng diesel RM1.02j tumpas



LORI yang memuatkan 94,398 liter diesel dirampas dalam serbuan di Jalan Kempas Lama, Off Jalan Skudal, Johor Bahru.

"Hasil pemeriksaan dijalankan menemukan tiga lori tangki yang berisi keselu-ruhan 94,398 liter diesel ber-

subsidi.

"Turut disita, dua lori tiga tan yang diubah suai bagi mengangkut minyak, satu

peralatan pam minyak serta wang tunai berjumlah RM61,664," katanya meneru-

treler bersama beberapa si satu kenyataan di sini, semalam. Kes diserahkan kepada

dakan selanjutnya dan di-siasat mengikut Akta Kawa-lan Bekalan 1961. PPM sentiasa menjalan-

kan operasi bagi mengekang sebarang aktiviti jenayah dan pelanggaran undang-undang rentas sempa-

Masyarakat diminta menyalurkan maklumat kepada pihak berkuasa terutama PPM Wilayah Dua bagi membanteras sebarang ben-tuk jenayah terutamanya membabitkan keselamatan dan ketenteraman awam masyarakat maritim. Seba-rang maklumat boleh disalurkan kepada Pasukan Polis Marin Wilayah Dua di talian 07:-2372221.



HARI : _	AHAD
TARIKH : _	3/4/2022
M/SURAT :	13

Smuggling of RM6.6m in subsidised items foiled

PASIR MAS: The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry has thwarted 714 attempts to smuggle out subsidised items worth RM6.6 million under the Control of Supplies Act 1961 last year, said Deputy Minister Datuk Rosol Wahid.

He said of the total, 250 cases were related to the smuggling of controlled and subsidised goods at the country's borders, with seizures valued at RM5.18 million.

He said this year, 31 cases had been recorded at the borders, involving seizures worth RM1.71 million.

"The ministry views the matter seriously, especially cases involving borders with Thailand, Indonesia, Brunei and Singapore.

"This causes losses for the country as

these controlled and subsidised items are for Malaysians.

"But they have been smuggled out by irresponsible parties to make a profit," he said after the Malaysia-Thailand border reopening monitoring walkabout at the Rantau Panjang Immigration, Customs, Quarantine, and Security Complex here on Friday.

Rosol said the ministry would intensify enforcement at the borders, especially in Bukit Kayu Hitam and Wang Kelian.

He said the ministry reminded traders to be more responsible when selling controlled and subsidised items.

He said stern action would be taken against errant traders, including revoking their business licence. **Bernama**